

29/10/1997

Masyarakat Hindu diminta bantu pulih ekonomi

KUALA LUMPUR, Selasa - Presiden MIC, Datuk Seri S Samy Vellu meminta masyarakat Hindu Malaysia membantu mengembalikan kestabilan ekonomi negara dengan berkata "tidak semuanya hancur dan musnah" seperti digambarkan oleh media asing.

Sambil menggesa mereka berdiri teguh di belakang Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad dan Datuk Seri Anwar Ibrahim, beliau berkata mereka hendaklah memberi sokongan sepenuhnya kepada kerajaan dalam usahanya mengatasi masalah ekonomi sekarang.

Katanya mereka perlu memainkan peranan dan jangan membiarkan kuasa luar untuk menentukan masa depan negara.

"Kesukaran yang kita alami kini hanyalah sementara... Kita perlu bersabar dan jangan putus asa serta memberikan sokongan padu dan kerjasama," katanya dalam perutusan sempena perayaan Deepavali yang akan disiarkan melalui RTM pada Khamis ini.

Samy Vellu yang juga Menteri Kerja Raya berkata, Belanjawaan 1998 telah dirangka untuk "membolehkan kita melalui masa kesukaran ini dan amat penting kepada kelangsungan ekonomi jangka panjang kita."

Pelbagai usaha yang dilakukan untuk menstabilkan ringgit dan pasaran saham adalah seumpama Deepavali yang melambangkan kejayaan usaha yang baik untuk mengatasi perbuatan jahat.

Beliau berkata masyarakat perlu bekerja keras untuk 'membebaskan negara daripada cengkaman spekulator asing dan manipulator mata wang yang ingin memusnahkan Malaysia.'

"Kita tidak boleh biarkan manipulator kewangan asing memusnahkan ekonomi kita dan menentukan arah tuju kita.

"Kita akan atasi masalah ini jika kita berkorban. Sikap berdisiplin, berjimat cermat dan menabung perlu ada," kata Samy Vellu.

Menurutnya, walaupun negara menghadapi masalah ekonomi, tradisi mengadakan majlis rumah terbuka ketika perayaan seperti Deepavali perlu diteruskan tetapi secara sederhana.

(Samy Vellu akan mengadakan majlis rumah terbuka sempena Deepavali pada 30 Okt di Dewan Sekolah Chung Hwa di Jalan Saint Thomas, off Jalan Ipoh di sini, antara 10 pagi dan 2 petang.)

(END)